

kerajaan Republik Arab Bersatu telah menyatakan keengganannya untuk bersama-sama dengan umat Arab yang lain-lain bagi menghadapi kerajaan Israel sebagaimana yang tersiar baharu-baharu ini. Sebagaimana diberitakan kerajaan Republik Arab Bersatu sedia menanggung segala tanggungjawab dalam persoalan itu dengan bersendirian.

Adakah kemungkinannya? Ini kita akan lihat bersama-sama dan adakah akan dapat negara-negara Arab yang lain membiarkan tanah suci Palestin itu dikuasai oleh Israel buat selama-lamanya? Ini ialah kewajipan seluruh umat Islam dan bukan semata-mata kewajipan kerajaan Republik Arab Bersatu sahaja.

* * *

Mengapa Begitu?

Langkahan Kerajaan Perikatan terhadap kepada bantuan-bantuan di negara yang diperintah oleh PAS seolah-olah berdasarkan kepada suatu cara “diterima pemberian ini dan umat hendaklah patuh atau mengikut Perikatan”. Inilah kesimpulan yang dijalankan pada masa ini di dalam bantuan-bantuan yang diberi di Kelantan oleh Kerajaan Pusat sedang kepada negeri-negeri yang lain kita tidak mendengar ada cara-cara yang begitu dijalankan.

Patut diingat hampir keseluruhannya penduduk atau penghuni yang menjadi rakyat di Kelantan itu ialah orang-orang Melayu. Tidak semuanya orang-orang Melayu di situ jadi anggota PAS ataupun UMNO. Kalau cara ini dijalankan, dengan cara beri sebagai umpan supaya mereka mengikut Perikatan,

kita memandang cara ini ialah cara yang kurang bijak, kerana menurut pandangan kita, ini lebih menjauhkan hati umat Melayu di Kelantan daripada tertarik kepada cara-cara Perikatan bekerja. Tidak mungkin dengan umpanan yang sedemikian mereka akan tertarik bahkan mereka terasa bahawa dengan tidak tepat kerana di dalam Perikatan itu bukan sahaja semata-mata Melayu, sekatan-sekatan yang dijalankan itu boleh dimaknakan oleh mereka sebagai penindasan-penindasan terhadap kepada bangsa Melayu sendiri. Dengan demikian maka berpeluanglah kerajaan yang menentang atau yang tidak bersetuju dengan Perikatan bahawa Perikatan berjalan di dalam membantu umat Melayu tidak dengan ikhlas tetapi memberi sebagai umpan supaya menyokongnya. Adakah cara ini akan berjaya? Ini terpulang kepada pemimpin-pemimpin Perikatan sendiri, tetapi pada pandangan kita cara yang demikian ini tidak akan berhasil dengan baik.

Bukti-bukti yang boleh dikemukakan dalam soal ini lihat sahaja pertentangan di antara Perikatan dengan Perikatan sendiri di Sabah. Orang-orang, sungguhpun tidak mengetahui cara mana yang dijalankan, dapat melihat bahawa di dalam masa-masa yang telah berjalan Perikatan menjalankan dasarnya sentiasa dengan pujukan – apabila terbit sesuatu pertentangan maka yang menentang itu akan dipujuk dan akan diberi “gula-gula” dan dengan demikian tunduklah orang itu sementara tetapi dibelakangnya akan bangkit dan akan berpecah lagi apabila gula-gula itu telah habis manisnya. Jadi dengan cara sementara ini adalah suatu dasar yang tidak akan membawa kesan yang lama bahkan dia akan

menjadi sebagai semut putih yang merayap yang kita takuti akan merosakkan kedudukan Perikatan sendiri. Kita katakan ini dengan berterus-terang supaya menjadi perhatian. Sepatutnya dasar kemajuan itu mestilah dijalankan dengan seluas-luasnya dan dasar bantuan itu hendaklah merata dan pemberian itu tidaklah bersebab atau berudang di sebalik batu supaya keikhlasan yang ditunjukkan oleh kerajaan Perikatan itu disambut dan diterima oleh Bumiputera dengan keyakinan bahawa perjuangan Perikatan tidak memandang bulu tetapi bertanggungjawab bukan kepada golongannya sahaja (parti lain) tetapi bertanggungjawab kepada seluruh umat yang menjadi penghuni di dalam negara diperintahnya. Kalau dijalankan untuk partinya sahaja bermakna pada suatu masa apabila orang-orang di dalam parti itu sendiri berasa tidak puas hati mereka akan melarikan diri dan akan bersatu kepada orang yang menentang dan akibatnya lama-kelamaan akan merosakkan Perikatan sendiri.

Dasar inilah yang kita yakin dasar yang dikehendaki dan dimahui oleh tiap-tiap orang penduduk atau penghuni di negara Malaysia.

Kita telah lama memerhatikan bahawa cara pilih kasih terus berjalan; cara berlemah-lembut menjalankan dasar dengan beralah sentiasa berlaku dan ketenangan yang demikian ini tidak akan dapat berjalan berlama-lamaan bahkan untuk sementara sahaja dan berakibat dengan akibat yang tidak diingini kemudiannya. Mudah-mudahan peringatan ini akan Mendapat perhatian yang wajar dari pemimpin-pemimpin Perikatan yang utama.